

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 10 SEPTEMBER 2014 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Tsunami landa Malaysia hari ini maklumat palsu - Meteorologi	Utusan Malaysia Online
2.	Jabatan Meteorologi Minta Abaikan Laporan Palsu Gempa Bumi	BERNAMA
3.	Tsunami drill mistaken for the real thing	The Star
4.	Amaran tsunami hanya palsu	Kosmo
5.	Amaran tsunami semalam hanya latihan	Harian Metro
6.	Dilanda Tsunami?	Sinar Harian
7.	NGOs continue to bash palm oil	New Straits Times
8.	Agensi Nuklear pelawa syarikat swasta jalin kerjasama latihan	Utusan Malaysia Online
9.	Agensi Nuklear Malaysia Perkenal Konsep Perkongsian Awam Swasta	BERNAMA
10.	Kolej Vokasional Slim River Dan MRSM Johor Baharu Wakili Malaysia ke Jepun	BERNAMA



Tsunami landa Malaysia hari ini maklumat palsu - Meteorologi

ALOR SETAR 9 Sept. - **Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM)** mengesahkan maklumat yang tersebar dalam laman sosial kononnya Malaysia bakal dilanda tsunami hari ini adalah palsu.

Menerusi laman Facebook rasminya, JMM menjelaskan, pihaknya sedang menjalankan Latihan Komunikasi Indian Ocean Wave (IOWAVE14) selama dua hari bermula hari ini dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN), polis dan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

"Diharap orang awam mengabaikan sebarang maklumat palsu mengenai kejadian tsunami yang tersebar di media-media sosial," katanya. - UTUSAN ONLINE

Artikel Penuh: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140909/dn_33/Tsunami-landa-Malaysia-hari-
ini-maklumat-palsu---Meteorologi#ixzz3Cs5zM161](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140909/dn_33/Tsunami-landa-Malaysia-hari-ini-maklumat-palsu---Meteorologi#ixzz3Cs5zM161)

© Utusan Melayu (M) Bhd



Jabatan Meteorologi Minta Abaikan Laporan Palsu Gempa Bumi

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)** meminta orang ramai mengabaikan laporan kononnya berlaku gempa bumi dan tsunami di beberapa kawasan termasuk di Malaysia, yang tersebar melalui media sosial pada Selasa.

Laporan palsu itu disebarikan menerusi Facebook dan aplikasi Whatsapp.

Sementara itu, MetMalaysia dalam kenyataannya berkata jabatan itu sedang menjalankan Latih Amal Indian Ocean Wave 2014 (IOWave14) selama dua hari bermula hari ini.

Latih amal tsunami itu menggunakan senario gempa bumi kuat bertempat di Jawa Selatan pada hari ini manakala latihan kedua di Makran Trench, di Barat Pakistan esok.

MetMalaysia dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara, Polis DiRaja Malaysia dan Radio Televisyen Malaysia melakukan latih amal itu bagi meningkatkan tahap kesedaran dan menilai tahap kesiapsiagaan agensi-agensi bencana menghadapi tsunami.

Malaysia dan 20 negara sekitar Lautan Hindi mengambil bahagian dalam IOWave14 itu.

-- BERNAMA

Tsunami drill mistaken for the real thing

PETALING JAYA: Rumours of tsunamis and earthquakes in Penang had the Meteorological Department staff in a quandary after a routine training exercise was misrepresented on social media and went viral.

It was part of a two-day drill called the Indian Ocean Exercise Wave 2014 (IOWave14) that Malaysia took part in with 20 other countries.

However, heavy rain and strong waves that hit Penang gave residents there the jitters.

"This (exercise) is to test the Indian Ocean Warning System," it said in a statement.

The drill has two phases - firstly, tsunami information will be issued from the simulation to Regional Tsunami Service Providers and then to Tsunami Early Warning Centres.

The countries concerned will then analyse the information in an exercise to test communications and coordination between agencies, as well as evaluate the readiness level in disaster organisations.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 17
TARIKH: 10 SEPTEMBER 2014 (RABU)**

Amaran tsunami hanya palsu

KUALA LUMPUR - Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) mengesahkan, tiada sebarang ancaman tsunami seperti yang disebarkan di laman-laman sosial semalam.

JMM dalam satu kenyataan memberitahu, ancaman tsunami yang didakwa di beberapa negeri di utara tanah air itu hanyalah maklumat yang dikeluarkan pihaknya bagi tujuan latihan komunikasi.

"JMM sedang menjalankan Latihan Komunikasi Indian Ocean Wave (IOWAVE14) selama dua hari bermula semalam melibatkan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

"Orang ramai diminta mengabaikan maklumat palsu mengenai kejadian gempa bumi dan tsunami yang tersebar melalui laman sosial," menurut JMM dalam kenyataan tersebut.

Sejak kelmarin, beberapa laman sosial menyebarkan maklumat kononnya tsunami akan melanda beberapa tempat di utara tanah air antaranya Langkawi, Pulau Pinang dan Perlis sekitar pukul 2.30 petang hingga 3.50 petang.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 35
TARIKH: 10 SEPTEMBER 2014 (RABU)

Kuala Lumpur

Amaran tsunami semalam hanya latihan

Amaran ombak tsunami yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), semalam adalah satu latihan amali yang biasa dilakukan setiap tahun.

Ketua Pengarah JMM Datuk Che Gayah Ismail berkata, latihan amali itu dilaksanakan bagi mengetahui tahap kesiagaan

negara menghadapi tsunami.

Katanya, latihan itu juga dilaksanakan seperti biasa setiap tahun bagi memantau keberkesanan IOWAVE14 sekiranya berlaku tsunami.

“Orang ramai diminta mengabaikan maklumat palsu mengenai tsunami yang tersebar di media

sosial, semalam,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Dalam kejadian pagi semalam, orang ramai panik susulan penyebaran berita kononnya beberapa lokasi di negara ini iaitu Pulau Langkawi, Pulau Pinang dan Perlis dijangka dilanda tsunami bermula jam 2.30 petang semalam.

